

Headline	'Beri maklumat secukupnya'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	6	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	424 cm ²
Journalist	Fazrik Kamarudin dan Ruwaida Md Zain	AdValue	RM 14,616
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,847



'Beri maklumat secukupnya'

→ Sultan Selangor titah SPRM elak persepsi negatif rakyat

Oleh Fazrik Kamarudin dan Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

► Shah Alam

Sultana Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberikan maklumat secukupnya kepada rakyat berhubung tindakan penguatkuasaan dan hasil siasatan.

Baginda bertitah, maklumat lengkap mengenai hasil siasatan penting bagi mengelak wujud persepsi bahawa sesetengah pihak dibebaskan tanpa sebarang tindakan dan SPRM tunduk kepada pihak tertentu dalam melaksanakan tugas mereka.

"Beta sering mendengar aduan dan sungutan orang ramai bahawa ada aduan rasuah yang dibuat tidak diketahui kesudahannya.

"Akbar banyak melaporkan mengenai tangkapan dan tahanan reman yang dibuat terhadap mereka yang disyaki melakukan amalan rasuah, namun kesudahannya sama ada mereka ini dituduh di mahkamah atau sebaliknya tidak diketahui.

"Persoalan yang dibangkitkan oleh rakyat adalah sama ada mereka yang dilapor melakukan rasuah ini adalah benar-benar sudah disiasat dan diadili



[FOTO BERNAMA]

Sultan Sharafuddin bersama Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir Shah berkenan hadir Majlis Perasmian Kompleks Bangunan SPRM Selangor di Shah Alam, semalam.

mengikut undang-undang," titah baginda ketika merasmikan Kompleks Bangunan SPRM Selangor di sini, semalam.

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Yang turut hadir, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki.

Kekal jadi badan bebas

Sultan Sharafuddin Idris Shah menasihatkan SPRM kekal menjadi satu badan bebas daripada sebarang pengaruh mana-mana pihak termasuk orang politik.

"Pegawai penyiasat SPRM hendaklah diberi kebebasan dengan kuasa yang ada kepada mereka untuk menjalankan tugas secara profesional tanpa arahan tertentu yang boleh mengganggu siasatan.

"Dengan ini, SPRM akan diilah sebagai satu badan yang

boleh dipercayai oleh rakyat bagi membanteras gejala rasuah, sekali gus menepis segala tanggapan negatif rakyat terhadap SPRM berkaitan ketelusan dalam menjalankan amanah," titah baginda.

Baginda juga mengingatkan pemimpin negeri dan negara serta penjawat awam supaya tidak sama sekali membabitkan mahupun mendekatkan diri dengan rasuah dan perkara yang membolehkan tohmahan rasuah dan penyelewengan dilemparkan oleh mana-mana pihak.

Aspek salah guna kuasa

"Ini termasuk aspek penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan diri atau pihak tertentu ketika melaksanakan tugas mentadbir negeri. Perbuatan sebegini perlu dielakkan sama sekali daripada dilakukan.

"Kita sering mendengar gejala rasuah diamalkan oleh pegawai dan kakitangan di sektor awam namun pada hakikatnya rasuah berlaku juga di sektor

swasta, malah hari ini turut berlaku dalam institusi agama serta badan sukarela dan badan sukan.

"SPRM perlu juga memastikan penguatkuasaan dilakukan terhadap mereka yang terbabit dalam gejala rasuah di sektor swasta dan badan yang beta sebutkan tadi," titah baginda.

Baginda turut menzahirkan kebimbangan dengan statistik yang dikeluarkan SPRM baru-baru ini yang merekodkan ribuan kertas siasatan dibuka membabitkan amalan rasuah penjawat awam dan orang politik, yang memberi gambaran buruk terhadap penjawat awam dan orang politik iaitu pemimpin kepada rakyat dan negara.

"Menjadi penjawat awam dan orang politik bukan jalan untuk mengumpul harta kekayaan serta bermewah-mewah.

"Kita perlu mengingati kembali sumpah jawatan yang diikrarkan untuk berkhidmat dengan amanah dan jujur kepada rakyat," titah baginda.

Headline	Pengusaha tanah TOL bimbang diusir pihak ketiga		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	27 Mar 2019	Circulation	69,985
Section	Nasional	Readership	209,955
Page No	62	ArticleSize	599 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 20,648
Journalist	Rafidah Mat Ruzki	PR Value	RM 61,944
Frequency	Daily		



Pengusaha tanah TOL bimbang diusir pihak ketiga

➔ Peniaga serah memorandum kepada Sultan Selangor mohon bantuan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

► Shah Alam

Lebih 20 tahun Hee Kay Soon mengusahakan kedai kopinya bersama-sama keluarganya di deretan kedai yang dibina di atas tanah PT 1766, di Kundang, berdekatan dengan Sungai Kuang, di Rawang.

Malah, selain Kay Soon, 56, dan ahli keluarganya turut tinggal di kedai kopinya yang diusahakan, membesarkan anaknya.

Kay Soon berkata, selama beberapa tahun beliau akan pergi ke Pejabat Daerah Gombak untuk membayar bagi Lesen Pendudukan Sementara (TOL) terhadap kedai berkenaan.

"Saya berniaga boleh untung dalam RM3,000 sebulan dan menanggung keluarga saya di kedai itu sejak 1994. Segala pembayaran yang diminta pejabat daerah saya bayar dari itulah satu-satunya matanya pencarian saya sekeluarga," katanya kepada media.

Beliau datang ke pejabat Biro NSTP di Shah Alam baru-baru ini

selepas menghantar memorandum ke Istana Bukit Kayangan, mohon bantuan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selepas mendapat tahu tanah terbabit dijual kepada pihak ketiga.

Kay Soon adalah antara 28 pengusaha di tapak berkenaan yang kini berdepan keadaan tidak menentu sekiranya benar tanah berkenaan akan dibangunkan oleh individu yang mendakwa pemilik tanah berukuran 1.2 hektar itu.

Keluarkan modal

Pengusaha bengkel, Mohd Ezrien Mohd Jaid, 37, beliau mengeluarkan modal RM200,000 untuk kedai diusahakan sejak beberapa tahun lalu bagi membeli lengkapnya membaiki kenderaan. Katanya, beliau terkejut apabila tahun lalu, pengusaha di atas tanah berkenaan didatangi dua individu yang mendakwa pemilik tanah berkenaan dan mengatakan mereka perlu keluar dari situ dengan segera.

"Sudah lama tanah ini diusahakan pengusaha membabitkan pelbagai jenis perniagaan.

"Kami juga membayar lesen

menduduki kawasan ini. Namun, tahun lalu, kami terkejut apabila didatangi individu yang mendakwa tapak dijadikan penduduk sejak 1994 itu sudah dimiliki pihak ketiga," katanya.

Bagi pengusaha barang lusuh, Datuk Seri S Siraji, 49, peniaga di kawasan itu sudah selesa dengan kedai berkenaan kerana terletak di jalan besar dan sudah diketahui penduduk sekitar.

Pada masa sama, katanya, jika tanah berkenaan mahu dijual, pihak Pejabat Daerah Gombak sepatutnya menghubungi peniaga dan menawarkan kepada mereka terlebih dahulu sebelum kepada mana-mana pihak lain.

"Kami bukan duduk di situ secara haram, kami bayar lesen dan pernah juga diminta membayar wang cagaran antara RM2,000 hingga RM5,000, apabila kami bertanya mengenai status tanah berkenaan pada 2004."

"Sudah tentu kami hampa apabila mendapat tahu tanah itu sudah dimiliki pihak ketiga. Lebih memparanjatkan, tanah berkenaan sebenarnya sudah tiga kali berlaku pemilikan sejak 1996 sehingga



Sebahagian kedai di tanah TOL di PT 1766 di Kundang, berdekatan dengan Sungai Kuang yang didakwa dimiliki pihak ketiga.

kini," katanya.

Sementara itu, Presiden Kebangsaan Nambikkai Malaysia, Datuk Kalai Vanar yang diminta membantu peniaga berkenaan berkata,

"Katanya, peniaga sudah tiada tempat lain untuk mengadu dan sangat berharap bantuan, termasuk daripada Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi membela nasib mereka."

memorandum sama kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 22 Februari.



Kalai Vanar mewakili pengusaha menyerahkan memorandum kepada Pembantu Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Muhammad Syahir Hasan, di Istana Bukit Kayangan, baru-baru ini.

Headline	MBSA naik taraf kemudahan 30 taman awam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	62	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,790
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,371



MBSA naik taraf kemudahan 30 taman awam

Shah Alam: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menaik taraf dan menambah baik kemudahan di 30 taman awam secara berperingkat mulai tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar, Mohd Rashidi Ruslan, berkata sebagai permulaan MBSA akan melaksanakan penambahaikan taman awam yang menjadi tumpuan untuk kegiatan riadah, antaranya di Dataran Kemerdekaan Shah Alam dan Taman Tasik Shah Alam Seksyen 14.

"Taman awam lain yang turut menjadi tumpuan ialah di Taman

Tasik Kota Kemuning, Taman Seksyen 7, Taman Awam Seksyen 26 dan Taman Lembah Bukit SUK.

"Memang ia (menaik taraf taman awam) menjadi keutamaan MBSA, namun ia akan dilakukan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Kita kena ambil kira faktor kekangan kewangan.

"Perkara yang ditekankan adalah aspek keindahan kawasan taman, menggantikan alatan senaman yang rosak, pencahayaan lampu di trek jogging, menanam pokok serta menyediakan tong sampah yang cukup," katanya.



Memang ia (menaik taraf taman awam) menjadi keutamaan MBSA, namun ia akan dilakukan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan"

Mohd Rashidi Ruslan,
Timbalan Datuk Bandar

Mengulas lanjut, Mohd Rashidi berkata, MBSA komited untuk menjadikan semua taman serta lokasi tumpuan awam pada hujung minggu sebagai lokasi menarik untuk kegiatan bersama keluarga.

Naik taraf kawasan lapang berpotensi


"Kita tidak mahu Shah Alam di kenali sebagai tempat penganjuran hari tanpa kenderaan semata-mata. Atas sebab itu, MBSA akan menaik taraf kawasan lapang berpotensi sebagai tempat berkhemah

serta beriadah bersama keluarga.

"MBSA turut mengadakan program bual santai 'Jom Picnic Dhuha' bertajuk 'Sembang Santai Penghijrah' serta program 'Eco Free Market', iaitu pemberian barang terpakai secara percuma kepada yang memerlukan.

"Selain itu, MBSA juga menganjurkan pelbagai pertandingan me manjat tembok, 'Futsal On 3', 'Hydro Gel Games', selain aktiviti senamari taichi, 'Shah Alam on Wheels', 'chu chu train', cabutan bertuah serta jualan pokok serta baja kompos," katanya.

Headline	Roboh 36 kios ada struktur tambahan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	29	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	262 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,321
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,964



OPERASI merobohkan struktur tambahan tanpa kebenaran 36 kios di Taman Puchong Permai dan Taman Puchong Perdana, semalam.

Roboh 36 kios ada struktur tambahan

Subang Jaya: Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merobohkan struktur tambahan tanpa kebenaran membatikan 36 kios di Taman Puchong Permai dan Taman Puchong Perdana di sini, semalam.

Operasi bersepudu itu turut mendapat kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bermula jam 8 pagi.

Ketika operasi dilakukan, beberapa kios didapati menjalankan perniagaan dan penyewa akur dengan kesalahan dilakukan.

Operasi berjalan tanpa sebarang provokasi ketika struktur tambahan seperti pendawai elektrik, bumbung dan dapur dirobohkan.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ Mohd Zulkarnain Che Ali berkata, pihak berkusa tempatan (PBT) itu memberikan notis awal kepada semua penyewa kios berikutan pelanggaran syarat sewaan.

"Kios berkenaan dibina untuk aktiviti penjajaan bersifat *take away* dan bukan gerai yang kekal.

"Ada peniaga yang degil dengan menambah struktur di premis berkenaan sehingga menyebabkan kawasan terbabit kotor," katanya

ketika ditemui selepas tamat operasi terbaik di sini.

Mohd Zulkarnain berkata, MPSJ membina kios di tiga kawasan iaitu Taman Puchong Perdana, Taman Puchong Permai dan USJ 1.

"Berdasarkan pemerhatian, ada peniaga meletakkan kerusi dan meja sehingga mengganggu lalu lintas di kawasan berkenaan.

"MPSJ tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar syarat sewaan yang ditetapkan," katanya.

Katanya, barang milik peniaga yang dirampas boleh dituntut semula di pejabat MPSJ selepas bayaran dilakukan.

FAKTA
Operasi berjalan tanpa sebarang provokasi

Headline	SPRM perlu kekal bebas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI	AdValue	RM 5,970
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,910



SPRM perlu kekal bebas

Jalankan tugas dengan telus, berani dan tidak memihak kepada sesiapa

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu kekal bebas daripada sebarang pengaruh oleh mana-mana pihak termasuk orang-orang politik.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah SPRM seharusnya melaksanakan tugas dengan telus, berani dan tidak memihak kepada sesiapa

atau dengan kata lain ‘without fear or favour’.

“Pegawai-pegawai penyiasat SPRM hendaklah diberi kebebasan dengan kuasa yang ada kepada mereka untuk menjalankan tugas penyiasatan secara profesional tanpa arahan-arahan tertentu yang boleh menganggu penyiasatan.”

“Dengan jalan ini, pihak SPRM akan dilihat sebagai satu badan yang boleh dipercayai oleh rakyat bagi membentera gejala rasuah dan sekaligus menepis segala tanggapan negatif rakyat terhadap SPRM berkaitan ketelusan di dalam menjalankan amanah,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Perasmian Kompleks SPRM Selangor yang baharu di sini, semalam.

Turut berangkat pada



Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Kompleks SPRM Selangor, semalam.

majlis tersebut, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Sultan Sharafuddin bertitah, baginda sering men-

dengar aduan dan runutan orang ramai bahawa terdapat aduan-aduan rasuah yang dibuat tidak diketahui kesudahannya.

“Akbar-akbar banyak melaporkan tentang tang-

kapan dan tahanan reman yang dibuat terhadap mereka yang disyaki melakukan amalan rasuah namun kesudahannya sama ada mereka ini dituduh di mahkamah atau sebaliknya tidak diketahui.

“Persoalan yang dibangkitkan oleh rakyat adalah samada mereka yang dilapor melakukan rasuah ini akalah benar-benar telah disiasat dan diadili mengikut undang-undang,” titah baginda.

Baginda bertitah, SPRM seharusnya memberikan maklumat secukupnya kepada rakyat tentang tindakan penguatkuasaan yang dilakukannya.

“Hasil daripada siasatan yang dibuat juga perlulah sampai ke pengetahuan rakyat secara berkesan.

“Maklumat yang lengkap tentang hasil siasatan

info

SPRM akan dilihat satu badan yang boleh dipercayai oleh rakyat untuk membanteras gejala rasuah

ini penting bagi mengelak dari persepsi bahawa setengah pihak dibebaskan tanpa sebarang tindakan dan SPRM tunduk kepada pihak-pihak tertentu di dalam melaksanakan tugas mereka,” titah baginda.

Majlis turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki dan Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim.

Headline	Pemimpin, penjawat awam jangan terlibat rasuah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	213 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,633
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,900



Pemimpin, penjawat awam jangan terlibat rasuah

SHAH ALAM - Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan kepada semua pemimpin negeri dan negara serta penjawat awam agar tidak terlibat dan mendekatkan diri dengan segala perbuatan rasuah.

Baginda bertitah, mereka diingatkan sentiasa menitikberatkan etika kerja yang berlandaskan nilai-nilai murni dan kejujuran yang tinggi sepanjang menjalankan amanah yang diberikan.

"Ini juga termasuk dengan perkara-perkara yang membolehkan toh-mahan rasuah dan penyelenggaraan dilemparkan oleh mana-mana pihak.

"Serta aspek penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan diri sendiri atau pihak-pihak tertentu semasa melaksanakan tugas



Sultan Sharafuddin tiba di Kompleks SPRM Selangor, semalam.

mentadbir negeri. Perbuatan sebegini perlu dielakkan sama-sekali dari dilakukan," titah baginda.

Sultan Sharafuddin juga berkenan dengan usaha dan komitmen Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kerajaan negeri serta rakyat Selangor dalam memerangi gejala rasuah.

"Beta percaya, di bawah pentadbiran Datuk Menteri Besar Selangor, perkara seperti ini dapat diambil berat dan dapat ditangani.

"Rakyat selaku pembayar cukai akan sentiasa mempersoalkan sekiranya perbelanjaan wang rakyat tidak diuruskan dengan betul dan berhemah," titah

baginda.

Baginda bertitah, statistik yang dikeluarkan SPRM baru-baru ini amat membimbangkan yang merekodkan beribu kertas siasatan yang dibuka melibatkan amalan rasuah oleh penjawat awam dan orang-orang politik.

"Statistik ini memberi gambaran yang buruk terhadap penjawat awam dan orang-orang politik yang juga pemimpin kepada rakyat dan negara.

"Menjadi penjawat awam dan orang politik bukan jalan untuk mengumpul harta kekayaan serta bermewah-mewah.

"Kita perlu mengingati kembali sumpah jawatan yang telah diikrarkan untuk berkhidmat dengan amanah dan jujur kepada rakyat," titah baginda.

Headline	MPSJ roboh struktur haram		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	384 cm ²
Journalist	NURHIDAYAH HAIROM	AdValue	RM 6,550
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,650



MPSJ roboh struktur haram

Tindakan diambil terhadap premis kiosk yang diubah jadi gerai


NURHIDAYAH HAIROM

PUCHONG

K onsep kiosk namun diubah menjadi gerai dengan penambahan struktur haram serta sambungan bekalan elektrik dan air secara tidak sah memaksa tindakan dari Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Operasi dijalankan pagi semalam di kiosk MPSJ Taman Puchong Permai dan Taman Puchong Perdana melibatkan pemeriksaan ke atas 51 kios.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Mohd Zukurnain Che Ali berkata, tindakan merobohkan struktur haram di kiosk-kiosk berkenaan dilaksanakan bagi mengawal masalah kebersihan di situ.



Selain struktur haram, sambungan bekalan air dan elektrik yang dibuat secara tidak sah . Gambar kecil: Mohd Zukurnain

Menurutnya, tindakan penjaja yang membuat struktur tambahan menyebabkan operasi perniagaan di situ telah lari dari konsep asal.

"Terdapat 23 lokasi kiosk MPSJ yang disediakan untuk aktiviti penjajaan yang bersifat 'take

away' dan bukannya menjadi mini restoran. Bila penambahan struktur mereka jadikan ia seperti gerai menyebabkan keadaannya amat kotor khususnya di bahagian belakang.

"Bila kita buat operasi di restoran-restoran dan seba-

gainya, kita rasa malu sebab premis MPSJ sendiri kotor kita tak buat apa-apa. Restoran itu kita tutup, tetapi kiosk kita sendiri masih dalam keadaan kotor. Ini satu tumparan pada kita.

"Banyak aduan yang diterima MPSJ dan sebelum ini kita juga

telah beri notis kepada peniaga," katanya ditemui ketika operasi berkenaan, semalam.

Operasi bersepadan diketuai oleh Pengarah Jabatan Perlesenan MPSJ, Muhammad Azli Miswan itu turut mendapat bantuan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan PDRM.

Dalam operasi sama, MPSJ turut menyita peralatan perniagaan yang ditinggalkan di kios-kiosk berkenaan.

Mengulas lanjut, Mohd Zukurnain berkata, tindakan peniaga meninggalkan peralatan perniagaan mereka adalah salah dari segi peraturan dalam masa sama boleh menimbulkan isu kebersihan kerana konsep kiosk yang terbuka.

"Perlu diingatkan ini adalah kiosk bukannya gerai tertutup. Bila mereka tinggalkan barang perniagaan mereka dalam keadaan terdedah apabila waktu malam dan sebagainya anjing, kucing datang. Kita terima aduan perkara ini kerana keadaan tidak bersih," katanya.

Headline	Jaga kebersihan, buang tanjakan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 5,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,120



Jaga kebersihan, buang tanjakan

*MDKS laksana
operasi pemecahan
tanjakan dan
Kempen Kawalan
Tikus serentak*

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR



Rahilah komited memastikan daerah ini bersih dan pemilik premis perniagaan mematuhi arahan yang ditetapkan.

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) akan melaksanakan operasi pemecahan tanjakan (ramp) haram di sekitar pusat perniagaan kawasan pentadbiran MDKS yang dijangka bermula April ini.

Yang Dipertua MDKS, Rahilah Rahmat berkata, tindakan memecahkan tanjak haram ini di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang memerlukan pemilik atau pengusaha premis membuka tanjakan (ramp) jenis konkrit di atas petak parkir.

Menurutnya, pemilik premis yang ingin menggunakan tempat letak kereta bagi tujuan perniagaan dinasihatkan membuat permohonan sewaan petak khas.

"Mereka boleh hubungi Jabatan Pelesenan MDKS di talian 0332891439 sambungan 163 berkaitan sewaan petak manakala Jabatan Kawalan Bangunan sam-

bungan 214 untuk permohonan penggunaan tanjakan sementara.

Mengulas lanjut mengenai Kempen Kawalan Tikus, Rahilah menjelaskan, MDKS menawarkan RM3 untuk seekor tikus yang dihantar kepada Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MDKS pada waktu serahan setiap Selasa dan Khamis.

"Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran kesihatan dan penularan penyakit leptospirosis," katanya.

Menurutnya, pelanggan premis makanan perlu melaporkan kepada MDKS jika melihat sikap kurang peka pemilik premis terhadap isu kebersihan.

"Jika ada nampak tikus di persekitaran kawasan premis makanan, boleh hubungi Jabatan

info

NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI

- Sewaan petak kereta: 0332891439 sambungan 163
- Permohonan tanjakan sementara: 0332891439 sambungan 214
- Kempen kawalan tikus: 0332892235

Kesihatan dan Persekitaran MDKS di talian 0332892235 untuk aduan atau pertanyaan lanjut.

Rahilah memberitahu, kempen berkenaan dijangka berakhir 31 Disember tahun ini.

Headline	Hari Tanpa Kenderaan Sabtu ini		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	33	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,221
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,663



Hari Tanpa Kenderaan Sabtu ini

BUKIT SENTOSA - Sambutan Hari Tanpa Kenderaan Hulu Selangor bagi Mac akan diadakan di Jalan Orkid Bandar Bukit Sentosa pada 30 Mac ini.

Sehubungan itu, laluan berkenaan akan ditutup bermula 29 Mac bermula jam 9 pagi hingga 12 tengah hari keesokan harinya.

Manakala Jalan Persiaran As-Salam ditutup dari jam 5 pagi hingga 12 tengah hari pada hari sambutan.

Hari Tanpa Kenderaan anjuran Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) diraikan setiap bulan pada Sabtu minggu ketiga sejak Ogos tahun lepas.

Menurut MDHS, pelbagai acara menarik disediakan kepada pengunjung seperti larian dan kayuhan santai, senamro-bik, pertandingan E-Games PS4, Eco Free Market, cabutan bertuah dan aktiviti ria-dah lain.

“Acara kali ini diteruskan di lokasi tum-

puan ramai di Bandar Bukit Sentosa dengan mengekalkan aktiviti riadah bersama keluarga.

“Antaranya zoo haiwan ternakan, men-canting batik, lukisan muka, mewarna, beca basikal, kereta kuda, kelas seni kreatif dan pameran.

“500 pengunjung terawal akan menerima t-shirt dan orang ramai dijemput hadir sepanjang sambutan berlangsung bermula jam 6.30 pagi hingga 12 tengah hari,” katanya.

Pengunjung juga berpeluang mengikuti bengkel membuat bunga dari barang terpakai, masakan, lukisan muka, dan tarian asas kanak-kanak.

Kaunter dan pameran turut dibuka antaranya daftar memandu dengan harga istimewa, ‘hammock’ barang kitar semula dan agensi kerajaan serta swasta termasuk Air Selangor.

Headline	MDHS pelajari cara MDKL urus penguatkuasaan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	33	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	240 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,094
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,282



MDHS pelajari cara MDKL urus penguatkuasaan



Kakitangan MDHS mengadakan lawatan ke MDKL dalam usaha mempertingkatkan pengurusan penguatkuasaan.

KUALA KUBU BHARU
- Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mempelajari kaedah Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menguruskan beberapa penguatkuasaan.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Junainah Abdullah berkata, penguatkuasaan tersebut antaranya penutupan premis makanan, alam sekitar, pencemaran dan kesihatan awam di kawasan kompaun.

Menurutnya, seramai 22 kakitangan MDHS diketuai Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Mohamad Shahril Ramli berkunjung ke MDKL bagi tujuan itu.

“Lawatan disambut baik pihak MDKL yang terdiri daripada Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran, Syamsol Herwan Ahmad, pengarah teknikal serta kakitangan lain.

“Pelbagai perkara turut dibincangkan dalam menyelesaikan isu yang sering terjadi di kawasan pentadbiran masing-masing.

“Antaranya masalah anjing liar, penangkapan lembu dan semak samun selain kunjungan ini juga bertujuan untuk memperkuatkan hubungan silaturahim di antara agensi kerajaan,” katanya.

Taklimat berkenaan Prosedur Operasi Penutupan Premis Makanan disampaikan Penolong Pe-

gawai Kesihatan Persekitaran MDKL, Noor Hayati Ibrahim manakala Prosedur Penutupan Kilang Plastik oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MDKL, Nordila Yasir.

Junainah berkata, lawatan tersebut memberi manfaat kepada kakitangan MDHS dalam mempelajari kaedah terbaik menguruskan pelaksanaan penguatkuasaan.

Menurutnya, perkongsian ilmu itu dapat mempertingkatkan kualiti kerja berkaitan operasi premis yang lebih teratur dan mengikut prosedur ditetapkan.

“Langkah ini selaras dengan tindakan yang diambil pihak berkuasa tempatan (PBT) lain,” katanya.

Headline	16 atlet terima anugerah sukan Selangor 2018		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	54	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,906
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,719



16 atlet terima anugerah sukan Selangor 2018

SERAMAI 16 atlet yang mengharumkan nama Selangor di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bakal menerima anugerah pada majlis Anugerah Sukan Negeri Selangor (ASNS) 2018 yang akan diadakan pada Khamis ini.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan negeri, Mohd Khairuddin Othman berkata, antara objektif anugerah itu adalah sebagai pemangkin semangat kepada atlet baharu bagi meningkatkan kualiti sekali gus mengharumkan Selangor ke peringkat tertinggi.

"Penganjuran pada tahun ini adalah tanda peng-

 *Sepanjang ASNS diadakan yang bermula dari tahun 1975 sehingga tahun 2017, seramai 81 olahragawan dan olahgarawati telah menerima anugerah ini."*

- Mohd Khairuddin

hargaan Kerajaan Negeri kepada penggiat sukan yang telah mengharumkan negeri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Sepanjang ASNS diadakan sejak 1975 sehingga 2017, seramai 81 olahragawan dan olahgarawati telah menerima anugerah ini," katanya pada sidang media,

katanya pada sidang media, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah

berkenan menyampaikan anugerah kepada pemenang yang diadakan di Dewan Perdana, Hotel Grand Bluewave pada jam 3 petang.

Sebanyak lapan anugerah bakal disampaikan termasuklah anugerah Olahragawan, Olahragawati, Olahragawan Harapan, Olahragawati Harapan, Tokoh Kepimpinan Sukan, Jurulatih Terbaik, Juri dan Pasukan Terbaik.



Mohd Khairuddin menunjukkan piala pusingan pada sidang media Majlis Anugerah Sukan Negeri Selangor 2018 di Pejabat MSN Selangor, kelmarin.

Headline	Sultan Selangor titah SPRM kekal bebas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1,2	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	817 cm ²
Journalist	SITI ROHAIZAH ZAINAL	AdValue	RM 16,147
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,442



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (dua, kanan) bersama Tengku Permaisuri Norashikin (tiga, kanan) serta Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah (kiri) berkenan hadir ke majlis perasmian Kompleks Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor di Seksyen 16, Shah Alam, semalam. Mengiringi baginda ialah Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull (kanan). - BERNAMA

SPRM MESTI BEBAS

Tepis tanggapan negatif aspek ketelusan

- » Sultan Selangor bertitah SPRM mesti terus kekal menjadi badan bebas daripada pengaruh pihak luar termasuk orang politik.
- » SPRM harus laksana tugas dengan telus, berani dan tidak memihak kepada sesiapa atau *without fear or favour*.

“

Pegawai SPRM hendaklah diberi kebebasan menjalankan tugas secara profesional tanpa arahan-arahan tertentu yang boleh mengganggu penyiasatan.

Dengan jalan ini, SPRM akan dilihat sebagai satu badan yang boleh dipercayai oleh rakyat bagi membanteras gejala rasuah.”

BERITA PENUH
DI MUKA 2

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH
Sultan Selangor

Headline	Sultan Selangor titah SPRM kekal bebas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1,2	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	817 cm ²
Journalist	SITI ROHAIZAH ZAINAL	AdValue	RM 16,147
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,442



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH bersama Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir Shah diberi penerangan oleh Mohd. Shukri Abdull mengenai Kompleks Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor di Shah Alam, Selangor, semalam. - GAMBAR IHSAN SPRM

Sultan Selangor titah SPRM kekal bebas

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 26 MAC

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya kekal menjadi badan yang bebas daripada sebarang pengaruh mana-mana pihak termasuk orang politik.

Titah Sultan Sharafuddin, SPRM seharusnya melaksanakan tugas dengan telus, berani dan tidak memihak kepada sesiapa atau dengan kata lain *without fear or favour*.

"Pegawai-pegawai penyiasat SPRM hendaklah diberi kebebasan dengan kuasa yang ada kepada mereka untuk menjalankan tugas penyiasatan secara profesional tanpa arahan-arahan tertentu yang boleh mengganggu penyiasatan mereka."

"Dengan jalan ini, SPRM akan dilihat sebagai satu badan yang boleh dipercayai oleh rakyat bagi membanteras gejala rasuah dan sekaligus menepis tanggapan negatif rakyat terhadap SPRM berkaitan ketelusan di dalam menjalankan amanah," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan bangunan baru Kompleks SPRM negeri

yang terletak di Seksyen 16 di sini. Turut berangkat mengiringi baginda ialah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Keberangkatan baginda disambut Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Mohd. Shukri Abdull; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki dan Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin turut bertitah agar SPRM memberi maklumat secukupnya kepada rakyat tentang penguatkuasaan yang dilakukannya selain hasil daripada siasatan yang dibuat juga perlu disampaikan ke pengetahuan rakyat secara berkesan.

Titah Sultan Selangor, baginda sering mendengar aduan dan rungutan orang ramai bahawa terdapat aduan-aduan rasuah tidak diketahui kesudahannya.

"Akbar-akbar banyak melaporkan tentang tangkapan dan tahanan reman yang dibuat terhadap mereka yang disyaki, namun kesudahannya sama ada mereka ini dituduh di mahkamah atau sebaliknya tidak diketahui."

"Persoalan yang dibangkitkan oleh rakyat adalah sama ada mereka yang dilapor melakukan rasuah ini adakah benar-benar telah disiasat dan diadili meng-

kut undang-undang. Pihak SPRM seharusnya memberikan maklumat secukupnya kepada rakyat tentang tindakan penguatkuasaan dilakukannya."

"Maklumat yang lengkap tentang hasil siasatan ini penting bagi mengelak daripada persepsi bahawa sesetengah pihak dibebaskan tanpa sebarang tindakan dan SPRM tunduk kepada pihak-pihak tertentu di dalam melaksanakan tugas mereka," titah baginda.

Pada masa sama, Sultan Sharafuddin turut berkenan dengan usaha dan komitmen SPRM, kerajaan negeri serta rakyat di dalam memerangi gejala rasuah dalam memastikan Selangor bebas daripada gejala rasuah dan salah guna kuasa.

"Beta percaya sekiranya komitmen yang tinggi ini diterjemahkan kepada perlaksanaan pentadbiran jujur dan amanah, pastinya rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kekayaan yang terdapat di negeri Selangor khususnya dan di negara kita amnya."

"Beta ingin menasihatkan agar para pemimpin negeri serta penjawat awam sentiasa menitikberatkan etika kerja yang berlandaskan nilai-nilai murni dan kejujuran yang tinggi semasa menjalankan tugas yang diaamanahkan kepada mereka," titah baginda.

Headline	BSN sumbang tujuh mesin dialisis		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	112,050
Page No	28	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	1028 cm ²
Journalist	NAHRIZUL ADIB KADRI	AdValue	RM 20,504
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,512



TENGKU AMIR SHAH menampat pelekat logo BSN di sebuah mesin dialisis yang disumbangkan bank itu kepada Yayasan Islam Darul Ehsan.

Bakti NGO

Oleh NAHRIZUL ADIB KADRI
pengarang@utusan.com.my

BANK Simpanan Nasional (BSN) baru-baru ini menyerahkan tujuh mesin dialisis bernilai RM282,000 kepada Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). Ia sebuah organisasi kebaikan ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang beroperasi sebagai badan khidmat bantuan dan kebaikan kepada masyarakat Islam di negeri itu.

Ketua Eksekutif BSN, Datuk Yunos Abd. Ghani menyatakan sumbangan mesin dialisis tersebut kepada Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi mewakil YIDE.

Bercakap pada majlis pengukuhan tersebut, Yunos berkata, BSN sentiasa menyokong program yang menyumbang kepada pembangunan sosial masyarakat. Sumbangan mesin dialisis kepada YIDE merupakan tanggungjawab sosial korporat yang dilaksana melalui peruntukan zakat daripada operasi 'Skim Perbankan Islam' (SPD) BSN.

"BSN bukan sahaja menawarkan perkhidmatan kewangan kepada segenap lapisan komuniti, malah turut komited untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Tidak ketinggalan bantuan kepada pesakit-pesakit buah pinggang yang mendapatkan rawatan hemodialisis di enam buah cawangan Pusat Dialisis MAIS."

BSN sumbang tujuh mesin dialisis



TENGKU AMIR SHAH (tengah) menerima replika cek sumbangan Bank Simpanan Nasional.

“

BSN bukan sahaja menawarkan perkhidmatan kewangan kepada segenap lapisan komuniti, malah turut komited untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Tidak ketinggalan bantuan kepada pesakit-pesakit buah pinggang yang mendapatkan rawatan hemodialisis di enam buah cawangan Pusat Dialisis MAIS.”

ketinggalan bantuan kepada pesakit-pesakit buah pinggang yang mendapatkan rawatan hemodialisis di enam buah cawangan Pusat Dialisis MAIS.

"Kami dimaklumkan rata-rata cawangan Pusat Dialisis MAIS mempunyai antara enam hingga 12 buah mesin dialisis yang menampung seramai 36 hingga 76 orang pesakit seminggu. Penggunaan mesin-mesin berkenaan beroperasi secara tiga syif berterusan setiap hari tanpa henti menyebabkan kondisi mesin-mesin tersebut sering mengalami kerosakan.

"Justeru, melalui sumbangan mesin dialisis baharu yang kami sampaikan ini, ia dapat memudahkan pesakit menjalankan rawatan dengan lancar dan sempurna," katanya dalam satu kenyataan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sementa, Dr. Daroyah Alwi; Ahli Lembaga Pernegang Amansah YIDE, Datuk Bakhtiar Hussin; Ketua Pegawai Eksekutif YIDE, Nur Muhammad Razali Abdul Rashid dan Ketua Pegawai Penyelaras Lembaga Zakat Selangor serta Pengurus BSN, Abdul Basith Hamid.

Selain menyampaikan sumbangan, pihak BSN juga turut serta dalam program kayuhan amal yang diadakan bersamaan dengan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia.

Pengajuran kayuhan amal itu diadakan dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor yang menghimpunkan lebih 500 peserta berbasikal terdiri daripada ahli kelab-kelab basikal di sekitar Lembah Klang, agensi korporat dan orang awam.

Program kayuhan amal sepangjang 12 kilometer itu diadakan di Masjid Al-Islah, Kampung Sementa, Kapar sebagai lokasi pelepasan dan tamat acara. Raja Muda Selangor dan peserta kayuhan amal yang lain turut muziarah keluarga asnaf fakir miskin dan keluarga pesakit dialisis di sepanjang laluan kayuhan tersebut.

Selain itu, mereka turut melawat Pusat Dialisis MAIS Cawangan Kapar.



Headline	MPSJ kiosks with illegal extensions torn down, items seized		
MediaTitle	The Star		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1,4	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	KATHLEEN MICHAEL	AdValue	RM 18,743
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,228



NEWS

Action against traders who carry out illegal reno at council kiosks >4



By KATHLEEN MICHAEL
kathleen@thestar.com.my

ILLEGAL extensions set up at the Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) kiosks in Taman Puchong Permai and Taman Puchong Perdana were torn down yesterday during a surprise inspection by the council.

The structures, mostly additional zinc roofs to the side, front or back of the kiosks, were taken down while cooking stations and sinks were seized.

Electricity supply, tapped from neighbouring businesses, was also cut.

MPSJ licensing and enforcement officers were joined by the police and Tenaga Nasional Bhd (TNB) during the morning inspection which began first at Taman Puchong Permai at 8.30am.

Out of the 36 kiosks in Taman Puchong Permai, 30 had extensions removed and seven had their items seized while in Taman Puchong Perdana, four out of 15 kiosks had their illegal extensions removed.

Prior to the inspection, notices were sent to the traders, warning them to remove illegal structures and items before March 20, or face action.

